

TEKS UCAPAN

PROFESOR Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN



30 Mei 2022 (Isnin)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Masrullizam bin Ibrahim

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Timbalan – Timbalan Dekan
Ketua – Ketua Jabatan
Penyelaras – Penyelaras



Mantan – Mantan Dekan

Profesor – Professor

Dan seluruh warga FKEKK yang dihormati sekalian



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi – tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan Taufiq dan Inayahnya dapat kita berkumpul dalam Majlis Apresiasi dan

Jamuan Hari Raya pada petang ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada FKEKK di atas penganjuran Majlis Apresiasi dan Jamuan Hari Raya ini dan saya percaya majlis ini merupakan satu majlis yang amat penting dalam kita menghargai staf samada staf Akademik mahupun staf bukan Akademik dalam memacu kejayaan Fakulti khususnya dan Universiti secara umumnya.

2. Majlis seperti ini wajarlah kerap dilaksanakan bagi memastikan motivasi staf sentiasa berada di dalam keadaan tinggi. Hal ini sangat penting dalam memacu Universiti

kearah yang lebih berdaya saing dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Andrew Carnegie ade menyatakan:


Take away my people, but leave my factories and soon grass will grow on the factory floor.

Take away my factories, but leave my people and soon we will have a new and better factory.

4. Sesungguhnya pekerja di dalam sesebuah organisasi merupakan nadi di dalam perkembangan organisasi tersebut. Walaupun dengan kehadiran seorang pemimpin yang berkaliber, namun tanpa komitmen dan kerjasama yang jitu daripada pekerja, organisasi tersebut tidak akan dapat membangun. Oleh yang demikian, majlis seperti ini seharusnya digalakkan bagi memastikan seluruh keluarga UTeM dihargai dan dapat meningkatkan motivasi seluruh ahli keluarga UTeM.

Staf FKEKK yang saya hormati sekalian.

5. Kita semua ibarat satu keluarga umpama “cubit paha kiri, paha kanan terasa juga”. Itulah perumpamaan dalam organisasi dan di sini adalah Fakulti. Staf saling bantu membantu, bekerjasama dan saling faham memahami terutamanya di antara Pentadbir dan staf yang lain. Eratnya sebuah keluarga itu akan menghasilkan sebuah keluarga yang bahagia dan berjaya. Begitu jugalah yang saya harapkan akan berlaku di FKEKK.

- 
6. Saya dimaklumkan terdapat beberapa anugerah yang akan disampaikan pada petang ini. Diharapkan dengan pemberian anugerah-anugerah ini akan dapat memastikan momentum berterusan daripada hadirin dan hadirat sekalian untuk bersama-sama membantu saya membangunkan UTeM.
 7. Akhir kata saya sebagai Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) mengharapkan FKEKK dapat terus maju menjadi sebuah Fakulti yang terkenal bukan sahaja di Negara kita, malah di peringkat Antarabangsa.

Pantas sampan kerana pendayung
Mudik ke hulu ke pohon tualang
Pekerja komited UTeM disanjung
Menjadi tunggak Universiti terbilang

Dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya merasmikan
Majlis Apresiasi dan Jamuan Raya Fakulti Kejuruteraan
Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Sekian, terima kasih.